



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**WASPADA FITNAH AKHIR ZAMAN**

**Tarikh Dibaca:**

**24 JAMADILAWAL 1445H /  
8 DISEMBER 2023**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## WASPADA FITNAH AKHIR ZAMAN

8 DISEMBER 2023 / 24 JAMADILAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَحَسِبَ الْأَنْسُوْسُ أَنْ يُتَرَكُوا أَنْ يَقُولُوا عَامَنَا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ⑥ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ۖ

فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ ⑦ (سورة العنكبوت)

أَشَهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Waspada Fitnah Akhir Zaman**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan keselamatan, kesabaran dan kemenangan buat penduduk Palestin dalam menghadapi kekejaman dan penindasan Rejim Zionis Israel. Lebih dua bulan, dan kini angka kematian rakyat Palestin telah melebihi sebanyak 16,000 orang yang kebanyakannya kanak-kanak, wanita dan orang awam. Bantulah mereka dengan apa-apa jua cara yang termampu dan janganlah kita biarkan mereka bersendirian menghadapi ujian yang sangat berat itu. Teruslah berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT agar Allah SWT memberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan buat mereka dalam membina semula kehidupan dan dalam memperjuangkan Bumi al-Quds. *Insya-Allah.*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sama ada kita sedar atau tidak, sebenarnya kita kini berada di akhir zaman yang penuh dengan fitnah. Fitnah yang dimaksudkan bukanlah yang didefinisikan sebagai membuat tohmahan atau tuduhan jahat kepada seseorang. Tetapi fitnah di sini membawa maksud yang lebih besar iaitu ujian, cubaan, dan juga kekacauan moral serta kepincangan yang melanda umat manusia pada akhir zaman sebelum kiamat. Fitnah ini terkandung padanya elemen-elemen yang membawa kepada kesesatan dan kebingungan dalam masyarakat yang menenggelamkan moral dan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Fitnah, dalam konteks Islam, turut membawa makna yang luas dalam bentuk ujian, percubaan, serta ujian yang melibatkan kebenaran dan kesesatan. Ia boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk godaan perkara dunia, kegelisahan hati, serta pergolakan dan ketidakstabilan sosial.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Ankabut, ayat 2-3 sebagaimana yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

*"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! **Kami telah menquji orang-orang yang terdahulu** daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta".*

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Fitnah akhir zaman menyaksikan penyebaran kejahanan, penyelewengan ajaran agama, serta dominasi nilai-nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam. Fitnah ini juga melibatkan pengelompokan manusia kepada golongan sesat serta penyelewengan terhadap keimanan. Para ulama menggariskan perlunya meningkatkan kesedaran dan kekuatan iman umat Islam untuk menghadapi situasi fitnah ini.

Dalam konteks situasi semasa, kita menyaksikan pelbagai cabaran sosial, ekonomi, dan politik yang memberi kesan terhadap kestabilan masyarakat. Penyelewengan moral, penindasan, dan penderhakaan terhadap nilai-nilai agama semakin merebak dan menimbulkan fitnah dalam masyarakat. Selain itu, teknologi dan media sosial turut menjadi wahana penyebaran fitnah yang sukar untuk dikawal. Keterbukaan medan media sosial menyaksikan kebebasan manusia untuk mengulas, melemparkan prasangka jahat dan tuduhan-tuduhan palsu, serta ada sebahagian juga yang berani mencabar hukum Allah SWT. Kerancakan media sosial juga menyaksikan pertembungan pelbagai maklumat sehingga sukar dipastikan antara yang benar dan yang batil. Oleh sebab itu, Allah SWT memerintahkan kepada manusia supaya kembali kepada ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Begitu juga pesanan Rasulullah SAW yang menekankan kepada kita untuk sentiasa istiqamah berpegang dengan al-Quran dan hadis supaya tidak tersesat.

Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

*"Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan dan tipu daya, kata-kata pendusta dibenarkan (diperdayai) dan didustakan percakapan orang yang benar, diberi amanah kepada pengkhianat dan dikhianati orang-orang yang amanah. Kemudian akan berkata-katalah golongan al-Ruwaibidah. Baginda SAW ditanya: Siapakah golongan al-Ruwaibidah? maka baginda SAW menjawab: Orang yang bodoh lagi fasiq berbicara (mengurus) berkaitan perkara umum yang besar". (**(Hadis riwayat Ibn Majah, Imam Ahmad)***

Terlebih utama bagi setiap Muslim ialah untuk berusaha menyelamatkan diri dari kesesatan dajjal dan fitnah-fitnahnya yang sangat-sangat mengelirukan.

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,

Dalam menghadapi fitnah akhir zaman, khatib ingin merumuskan beberapa panduan kepada seluruh umat Islam, langkah menghadapi fitnah akhir zaman yang semakin mencabar:

**Pertama:** Berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.

**Kedua:** Mendalami ilmu agama dengan menekuni majlis-majlis ilmu bersama para ulama yang benar dan ahli ilmu yang diakui keilmuannya.

**Ketiga:** Kekal *istiqamah* dalam jemaah kaum Muslimin yang berpegang teguh dengan akidah ahli sunnah wa al-jamaah serta *firqah al-najiyah* (kumpulan yang dijamin keselamatannya) oleh Rasulullah SAW, iaitu kumpulan yang disebut Nabi SAW:

مَنْ كَانَ عَلَىٰ مِثْلِ مَا أَنَا عَلَيْهِ الْيَوْمَ وَأَصْحَابِي

**Maksudnya:** “Mereka ialah yang meniti jalan seperti yang aku tempuh bersama para sahabatku pada hari ini”. (**Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi**)

**Keempat:** Menghafal dan menghayati 10 ayat awal dan akhir daripada Surah al-Kahfi. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Darda' RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أُولِي سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَالِ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang menghafal 10 ayat daripada awal Surah al-Kahfi akan terselamat daripada fitnah dajjal”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

**Kelima:** Memperbanyak berdoa kepada Allah SWT supaya dilindungi dari fitnah yang dahsyat dan tergolong dalam kelompok kebenaran. Nabi SAW mengingatkan kita:

تَعُوذُوا بِاللَّهِ مِنَ الْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ

**Maksudnya:** “Berlindunglah kepada Allah dari pelbagai fitnah, sama ada yang nampak mahupun yang tersembunyi”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

Akhirnya, kita perlu sentiasa memantapkan keimanan dan keteguhan hati dengan ajaran Islam melalui amalan yang kukuh, kekuatan iman, serta kesungguhan dalam mengamalkan nilai-nilai agama. Peliharalah hubungan dengan Allah serta dalam masa yang sama mempereratkan jalinan ukhuwah Islamiah sebagai jaminan perlindungan dari

ancaman fitnah akhir zaman. Dalam masa yang sama fitnah akhir zaman merupakan satu realiti yang perlu dihadapi dengan penuh kesedaran dan kefahaman supaya umat Islam dapat menghadapinya dengan hikmah, keberanian, serta keteguhan hati untuk mempertahankan kebenaran dan nilai-nilai moral yang luhur.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa ayat 69:

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِّنَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ  
وَالشَّهَدَاءِ وَالصَّلِحِينَ وَحَسْنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

**Maksudnya:** “Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ۔

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ۔

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَّ لَهُ مَلْكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغَرِّ مَهَا مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا يُغَرِّ دُفْرُتوَانِ اكْنُوَغْ، سُلْطَانَ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهَ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ۔

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغَرِّ مَهَا مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَاسِورِي اكْنُوَغْ، تُونِكُو عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الحاجِ۔

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقُضاَيَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ۔

اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْرَانًا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ  
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعِلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،  
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزَلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ  
عَاوَنَهُمْ، بَاسْكَ الَّذِي لَا يُرِدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،  
تَرْمِيهِمْ بِحَجَارَةٍ مِنْ سَبِيلٍ، فَعَلَيْهِمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانًا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِقْ  
جَمْعَهُمْ وَشَتَّ كَلْمَتَهُمْ، وَزَلْزَلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كَلَبًا مِنْ كَلَابِكَ، يَا قَهَارَ، يَا  
جَبَّارَ، يَا مُنْتَقِمَ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزَلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِي السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،  
إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! وَانْصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلْحَسْنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.